

Wujud taska di tempat kerja

SINAR HARIAN 28/05/2019 M/S 22

Ibu bapa tidak bimbang dan produktiviti meningkat

AIMAN SADIQ ABDULLAH

KUANTAN



ZULKHAIRI

Sektor swasta dan awam di negeri ini disaran mewujudkan taman asuhan kanak-kanak (taska) di tempat kerja bagi membantu pekerja mengatasi masalah penjagaan anak.

Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Pahang, Zulkhairi Zainal Abidin berkata, taska yang sudah diwujudkan oleh sebahagian majikan membantu mencegah berlaku kemalangan kepada kanak-kanak.

Menurutnya, penubuh-

han taska di tempat kerja mewajibkan pusat asuhan mematuhi syarat-syarat asas operasinya.

“Pusat asuhan ini dapat meningkatkan produktiviti pekerja kerana mengelakkan kerisauan ibu bapa. Mereka tidak lagi bimbang mengenai keselamatan anak-anak,” katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Menurutnya, JKJ tidak menggalakkan ibu bapa menghantar anak ke Taska yang tidak berdaftar walaupun bayarnya murah dan berdekatan dengan



Zulkhairi (dua dari kanan) menyampaikan geran berjumlah RM185,000 bagi mewujudkan taska di Hospital Raub yang memberi kemudahan pekerja mereka untuk menghantar anak di taska tersebut.

rumah mereka.

“Pengasuh juga perlu ada Kursus Asuhan Permata (KAP) bagi memastikan kualiti asuhan kanak-kanak terjamin.

“Kes penderaan membingungkan ibu bapa dan jalan paling singkat ialah berhenti kerja sedangkan

mereka adalah golongan profesional,” katanya.

Menurutnya, sebanyak 13 taska tempat kerja sektor awam dan dua tempat bekerja sektor swasta sedang beroperasi.

Tambahnya, JKJ sentiasa mengkaji kaedah sesuai untuk digunapakai

bagi menggalakkan lebih banyak majikan mewujudkan taska di tempat kerja.

“Saya harap jabatan dan agensi yang menerima geran taska tempat kerja mengikut terma rujukan dikeluarkan JKJ supaya penubuhannya dapat direalisasikan,” katanya.